

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI CHE ABDULLAH BIN MAT NAWI
[TUMPAT]**

SOALAN NO. 128

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan strategi yang telah digariskan untuk merapatkan jurang pendapatan rakyat pada paras 0.399 Pekala Gini tahun 2016.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara berhubung jurang pendapatan merupakan isu nasional yang perlu ditangani secara berkesan supaya nikmat pembangunan dapat dinikmati oleh semua rakyat merangkumi jantina, kaum, status sosioekonomi dan kedudukan geografi.
2. Sehubungan itu, Kerajaan komited untuk terus merapatkan jurang pendapatan supaya setiap rakyat mendapat manfaat daripada pembangunan negara secara inklusif khususnya dari segi peningkatan pendapatan dan kuasa beli serta kualiti hidup. Jurang pendapatan yang diukur melalui ketidakseimbangan pendapatan telah berjaya dikurangkan dari 0.401 pada tahun 2014 kepada 0.399 pada tahun 2016.

3. Antara inisiatif utama Kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) untuk mengurang jurang pendapatan rakyat adalah seperti berikut:

- i. memperluaskan program pendidikan dan latihan kepada rakyat dengan memberi fokus kepada pembangunan kapasiti dan kapabiliti dalam kalangan isi rumah B40, termasuk masyarakat Orang Asli, Anak Negeri Sabah dan Bumiputera Sarawak. Ini meliputi penyediaan kemudahan pembiayaan pendidikan dan latihan bertujuan untuk meningkatkan tahap kemahiran serta peluang mereka bagi memperolehi pekerjaan berpendapatan lebih tinggi;
- ii. memperluaskan penglibatan dalam bidang perniagaan dan keusahawanan, termasuk secara atas talian (*online*). Ini dilaksanakan dengan meningkatkan akses dan peluang kepada bantuan pembiayaan kredit mikro, khidmat nasihat dan latihan keusahawan serta pembinaan ruang niaga dan program sokongan perniagaan mikro serta perniagaan kecil dan sederhana;
- iii. meningkatkan produktiviti dan pendapatan para petani, pekebun kecil dan nelayan melalui aplikasi teknologi moden, amalan pertanian terbaik (*good agricultural practices*) dan aktiviti ekonomi tambahan. Tambahan YAB Perdana Menteri juga menyatakan kepentingan untuk para petani dan pekebun kecil menjalankan aktiviti pertanian moden serta mempelbagaikan jenis tanaman bagi menikmati hasil tanaman yang lebih baik dan pelbagai;
- iv. rasionalisasi jaringan keselamatan sosial (*social safety net*) yang meliputi bantuan kewangan secara langsung kepada golongan yang memerlukan seperti warga emas dan orang kurang upaya (OKU) supaya tidak mlarat; dan
- v. memperluas akses kepada kemudahan asas seperti infrastruktur dan pengangkutan, utiliti dan ameniti sosial di kawasan

luar bandar bagi memperkuuh keterhubungan, merancakkan aktiviti ekonomi dan meningkatkan kesejahteraan rakyat.

4. Kerajaan juga akan terus memberikan penekanan terhadap pembangunan inklusif yang berteraskan kepada beberapa prinsip utama seperti ketelusan, berdasarkan keperluan dan merit, mesra pasaran, mampan dan menyokong pertumbuhan bagi memastikan semua rakyat mendapat peluang dan manfaat pertumbuhan ekonomi seterusnya akan dinikmati oleh semua rakyat atau '*shared prosperity*'.

Sekian, terima kasih.